

13/01/1999

Zaharah hargai pelantikan

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, menyifatkan pelantikannya sebagai menteri penuh sebagai penghargaan kepada wanita.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana memberinya kepercayaan memikul tugas baru sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Saya pasti akan menggunakan peluang ini khususnya untuk meningkatkan kemajuan wanita," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis mengangkat sumpah di Istana Negara di sini, hari ini.

Seorang lagi Menteri di JPM, Datuk Tajol Rosli Ghazali serta Timbalan Menteri di JPM, Senator Datuk Ibrahim Ali, turut mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah.

Pada majlis itu, Dr Siti Zaharah, Tajol dan Ibrahim menerima surat cara pelantikan serta melalui istiadat mengangkat sumpah jawatan dan taat setia sumpah menyimpan rahsia.

Semua istiadat itu dilakukan di Bilik Singgahsana Kecil, Istana Negara sebelum majlis majlis menghadap bersama Perdana Menteri dan pegawai kerajaan di dewan kecil Istana Negara.

Dr Siti Zaharah berkata, beliau gembira dapat bersama dalam bimbingan Perdana Menteri dan meneruskan sumbangan kepada rakyat di pelbagai peringkat.

Menurutnya, beliau menunggu mesyuarat mingguan Kabinet esok untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berhubung portfolio yang akan dipikul.

Sementara itu, Ibrahim menganggap pelantikan beliau sebagai suatu tanggungjawab dan amanah yang tidak ternilai.

"Apa yang lebih penting apabila kita mendapat amanah itu ialah menjunjung serta melaksanakannya dengan penuh jujur dan dedikasi" katanya.

(END)